



**KENYATAAN KERJA UNDI
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BILANGAN 1 TAHUN 2026**

Kontraktor Bumiputera tempatan yang **berdaftar** dalam **sistem e-perolehan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mempunyai **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** daripada Pusat Khidmat Kontraktor, mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan/ Syarikat** daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta mempunyai **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC)** berstatus 'Patuh', di mana semua sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa **tempoh sah laku/ perakuan sehingga tarikh tutup penyertaan** adalah dipelawa untuk menyertai undian seperti berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KELAYAKAN KONTRAKTOR	TARIKH & WAKTU PENYERTAAN	TARIKH & WAKTU SESI CABUTAN KERJA UNDI
1.	Lantikan bagi Kerja Awam, Mekanikal dan Elektrikal	A. Kontraktor Awam dan Mekanikal Gred G1 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja B. Kontraktor Elektrikal Gred G1, G2 dan G3 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja C. Memiliki sijil-sijil berikut; • SSM • PPK • SPKK • STB • TCC	09 - 14 Julai 2026 (Khamis jam 12:00 pagi - Selasa jam 11:59 malam) PENYERTAAN KERJA UNDI adalah secara dalam talian menggunakan sistem eperolehan DBKL seperti berikut; i. Layari laman utama sistem eperolehan DBKL di eperolehan.dbkl.gov.my ii. Daftar masuk Pengguna iii. Klik pada tab 'Iklan Kerja Undi' iv. Klik pada butang 'Menyertai'	30 Julai 2026 (Khamis) jam 11:00 pagi Sesi Cabutan Kerja Undi akan dibuat secara <i>live feed</i> di laman Facebook rasmi DBKL

NOTA PENTING:

1. **Penyertaan kerja undi** hanya boleh dibuat setelah pendaftaran kerja undi dalam sistem e-perolehan DBKL selesai dilaksanakan.
2. Syarikat digalakkan untuk membuat pendaftaran awal. Bahagian Pengurusan Perolehan (BPP) tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan syarikat untuk menyertai cabutan kerja undi disebabkan pendaftaran kerja undi di saat akhir.
3. Butang untuk menyertai cabutan kerja undi hanya boleh dipilih oleh syarikat yang mendaftar dalam kategori seperti yang diiklankan.
4. Info Tambahan Wajib : Pengemukaan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate-TCC*) secara atas talian dalam profil syarikat telah dikuatkuasakan sepenuhnya bermula 1 Jun 2026. Syarikat adalah diwajibkan untuk mengemukakan TCC berstatus 'Patuh' dan masih dalam tempoh sah laku sehingga tarikh tutup penyertaan kerja undi. Syarikat yang tidak mengemukakan TCC tersebut **TIDAK LAYAK** menyertai cabutan kerja undi ini.
5. Info Tambahan Wajib : Syarikat yang mempunya Kerja Dalam Tangan dengan mana-mana pihak kerajaan adalah **TIDAK LAYAK** menyertai cabutan kerja undi ini.
6. Syarikat yang masih dalam tindakan tatatertib oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) adalah **TIDAK LAYAK** menyertai cabutan kerja undi ini. Pembatalan nombor kupon undi akan dibuat serta-merta.
7. Info Tambahan Wajib : Syarikat yang **LAYAK** untuk menyertai Sesi Cabutan Kerja Undi akan memperolehi **nombor kupon undi** secara automatik di alamat emel yang telah didaftarkan dalam sistem e-perolehan DBKL. Senarai syarikat tersebut juga akan dipaparkan di laman sesawang rasmi DBKL di sudut Pautan Pantas > Perolehan > Iklan Cabutan Kerja Undi atau alamat web <https://www.dbkl.gov.my/perolehan/iklan-cabutan-kerja-undi> sehari sebelum Sesi Cabutan Kerja Undi Secara Dalam Talian diadakan.
8. Untuk keterangan lanjut, sila layari alamat web di <https://eperolehan.dbkl.gov.my/> atau menghubungi kaunter Bahagian Pengurusan Perolehan di talian 03-2617 6711/ 6715.

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 07 Julai 2026